

Hua yang catat kerugian bersih RM20.48 juta

Tarikh kemaskini: 29/05/2019



KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Hua Yang Bhd mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM20.48 juta bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Mac, 2019, berbanding keuntungan bersih RM5.25 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

Bagaimanapun, hasil meningkat kepada RM277.36 juta daripada RM227.36 juta sebelumnya, kata kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

"Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Mac, 2019, kumpulan menumpu untuk memacu jualan bagi projek yang sedang dibangunkan dan unit inventori dalam persekitaran sektor hartanah yang lemah dan mencabar.

"Menyedari bahawa keadaan asas sektor hartanah masih kekal lemah, lembaga akan terus menilai serta mengambil langkah-langkah inovatif

untuk mengukuhkan lagi operasi dan pengurusan kami untuk mencapai prestasi yang lebih baik bagi tahun kewangan akan datang yang berakhir pada 31 Mac, 2020," kata syarikat itu.

-- BERNAMA

